Segala perkara yang memabukkan adalah haram

Daripada Abu Burdah, daripada bapanya, Abu Musa al-Asy‘ari رضي الله عنه: Nabi ﷺ mengutusnya ke Yaman, lalu baginda bertanya kepadanya tentang minuman yang dibuat di sana, dengan berkata: “Apakah (minuman yang dibuat di sana)?” Dia menjawab: “Al-Bit‘ dan Al-Mizr.” Lalu ditanyakan kepada Abu Burdah: “Apakah Al-Bit‘?” Dia menjawab: “Arak madu,” dan Al-Mizr: “Arak barli.” Maka Nabi ﷺ bersabda: “Segala yang memabukkan adalah haram.” (HR. al-Bukhari) Diriwayatkan oleh Muslim, lafaznya: Beliau berkata; Nabi ﷺ mengutuskan aku dan Mu‘az ke Yaman. Aku berkata: “Wahai Rasulullah, di tanah kami dibuat minuman yang disebut Al-Mizr daripada barli, dan minuman yang disebut Al-Bit‘ daripada madu.” Maka Baginda ﷺ bersabda: “Segala yang memabukkan adalah haram.” Dalam riwayat Muslim (yang lain): “Baginda bersabda: Segala yang memabukkan hingga menghalang seseorang daripada menunaikan solat, maka ia haram.” Dan dalam riwayatnya yang lain: “Rasulullah ﷺ dikurniakan tutur kata ringkas yang sarat dengan makna, maka baginda bersabda: Aku melarang segala yang memabukkan sehingga menghalang seseorang daripada menunaikan solat.”

[صحيح] [رواه البخاري ومسلم]

Abu Musa al-Asy‘ari رضي الله عنه menceritakan bahawa Nabi ﷺ menghantarnya ke Yaman. Di sana, beliau ditanya tentang minuman yang dibuat di situ sama ada ia haram atau tidak, lalu Nabi ﷺ menanyakan kepadanya mengenai hal itu untuk mendapatkan penjelasan. Lalu Abu Musa رضي الله عنه menjawab: “Ia adalah al-Bat‘: Arak daripada madu, dan al-Mazar: Arak daripada barli.” Lalu Nabi ﷺ bersabda, dan baginda dikurniakan ucapan yang merangkumi segala hukum: “Segala yang memabukkan adalah haram.”

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/66536